

MUTARADIF DALAM AL-QURAN: KAJIAN KALIMAH FI'IL DAN AMAL

ZAIDUL AMIN SUFFIAN AHMAD,

Fakulti Pengajian Peradaban Islam
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

Email: zaidulamin@kuis.edu.my

SITI FARZANA LOKMAN

farzanalokman@gmail.com

ABSTRAK

Mutaradif merupakan salah satu bahagian penting dalam kaedah penafsiran. Walaupun secara terminologinya ulama berbeza pendapat dalam memberikan definisi kata *taraduf*, kerana sejak awal mereka memang berselisih dalam memahami hakikat *taraduf* dalam sebuah bahasa. Al-Quran sering memberi makna baru bagi setiap orang yang menafsirkannya, tanpa mengubah makna yang terkandung di dalamnya dan tidak juga mengurangi nilai-nilai yang hendak disampaikan kepada manusia. Oleh hal yang demikian, ia bergantung kepada para mufassir untuk menafsirkan ayat tersebut. Melalui metode analisis kualitatif berdasarkan dokumen-dokumen yang diperolehi daripada kitab-kitab tafsir, buku-buku dan jurnal-jurnal, dapatan kajian mendapati terdapat pengertian serta konteks penggunaan yang berbeza bagi kata *fi'il* (فعل) dan *'amal* (عمل).

Kata kunci: *Mutaradif*, *fi'il*, *'amal*, tafsir.

1.0 PENDAHULUAN

Al-Quran merupakan kitabullah yang diwahyukan kepada baginda Muhammad saw. Wahyu ini menjadi panduan bagi umat manusia untuk mendalami tentang Islam serta menghadapi pelbagai mehnah dalam kehidupan serta bukti kebenaran yang diturunkan Allah untuk manusia. Walaupun telah diturunkan beribu tahun dahulu, ia tetap utuh seperti zaman sebelumnya dan akan terus kekal sehingga tibanya hari kiamat. Menjadi sumber yang haq, yang digunakan sebagai kitab aqidah, syariat dan hal ehwal kehidupan khususnya kepada orang Islam. Oleh itu, umat Islam diwajibkan untuk mempercayainya dan terus berpegang dengannya kerana kewujudannya menjadi pedoman untuk mencapai kebahagiaan dan keberuntungan di dunia dan akhirat.

Al-Quran memiliki kemukjizatan yang luar biasa yang mana setiap ayat di dalam al-Quran mempunyai nilai bahasa yang tiada tandingannya. Bahkan apabila orang kafir Quraisy ingin membuat ayat yang serupa dengan al-Quran ia tetap tidak dapat ditandingi. Seperti firman Allah taala yang bermaksud:

“Dan jika kamu masih dalam keraguan (terhadap al-Quran) yang telah Kami turunkan kepada hamba Kami, maka bawalah satu surah yang serupa dengannya dan panggillah saksi-saksi kamu selain dari Allah jika kamu benar”

(Al-Baqarah (2): ayat 23)

Dari segi balaghah pula, setiap kalimat al-Quran mempunyai maksud mendalam dan tersendiri. Setiap kata mempunyai perbezaan makna meskipun secara tekstualnya memiliki makna yang sama. Muhammad Quraish Shihab menjelaskan, bahawa tidak ada dua kata atau lebih yang memiliki makna yang sama kecuali pasti ada perbezaan maknanya. (1997)

Dalam mengkaji al-Quran persoalan *mutaradif* merupakan salah satu bahagian penting dalam kaedah penafsiran. Walaupun secara terminologinya ulama berbeza pendapat dalam memberikan definisi kata *taraduf*, kerana sejak awal mereka memang berselisih dalam memahami hakikat *taraduf* dalam sebuah bahasa. Menurut al-Suyuti, *taraduf* adalah dua kata yang memiliki erti serupa atau berdekatan. Sementara *al-A'rabi* memiliki definisi yang berbeza. Menurutnya, *taraduf* adalah dua kata yang berbeza biasanya digunakan oleh orang Arab untuk menyebutkan satu nama atau benda yang sama dengan penggunaan yang berbeza. (Ahmad Fawaid: 2015)

Jika ditelusuri dengan lebih mendalam, al-Quran sering memberi makna baru bagi setiap orang yang menafsirkannya, tanpa mengubah makna yang terkandung di dalamnya dan tidak juga mengurangi nilai-nilai yang hendak disampaikan kepada manusia. Oleh hal yang demikian, ia bergantung kepada para mufassir untuk menafsirkan ayat tersebut. Terdapat banyak kalimat di dalam al-Quran yang mana lafaznya berbeza, tetapi mempunyai makna yang sama. Misalnya, kata *ṣirâṭ* dan *sabîl* walaupun mempunyai makna yang sama iaitu jalan tetapi jika ditelusuri dengan lebih mendalam ia membawa maksud yang berbeza iaitu *sirat* ini digunakan untuk jalan yang benar dan haq sahaja manakala bagi *sabil* ia digunakan bagi jalan yang salah. (Mukhlisin: 2015)

Hal ini tidak terkecuali juga terhadap penafsiran ayat-ayat yang di dalamnya mempunyai kata *fi'il* (فعل) dan *amal* (عمل). Kedua kata ini sering diertikan sebagai perbuatan. Menurut kamus *Al-Marbawi*, kedua ayat ini ditafsirkan sebagai perbuatan atau melakukan. (Idris:1998) Akan tetapi apabila kita lihat di dalam Kitab *Al-Mufradat Fi Gharibul Quran*, iaitu sebuah kitab mufradat Arab – Arab ternyata ianya memberikan pengertian serta konteks penggunaan yang berbeza.

2.0 DEFINISI MUTARADIF

Dalam ilmu bahasa Arab *al-taraduf* (التَّرَادُفُ) merupakan asal daripada kata (ر - د - ف) dan dari bentuk *fi'il* (رَدَفَ - يَرُدُّفُ) dalam bentuk masdar-nya adalah (الرَّدْفُ) iaitu setiap sesuatu yang mengikut sesuatu yang lain di belakangnya. Bagi *mutaradif* (المُتَرَادِفُ) pula merupakan *ism al-Fa'il* dari kata (تَرَادَفَ - يَتَرَادَفُ - تَرَادُفًا) yang membawa makna (التَّنَائِعُ) iaitu saling berkesinambungan. Pengertian ini mempunyai kesamaan makna dalam kamus *Lisan al-^cArab* yang diertikan sebagai “segala sesuatu yang mengikut sesuatu yang lain”. (Ibnu Manzur)

Al-Mutaradif (المُتَرَادِفُ) juga bermaksud sesuatu yang dibawa oleh pemandu dari belakangnya. Misalnya seperti siang dan malam yang selalu berurutan kerana keduanya sentiasa mengikut antara satu sama lain. (Muhammad Nur:1997)

Selain itu, *mutaradif* mengikut istilah bahasa bermakna satu makna yang disepakati yang mempunyai jumlah dua atau lebih. Misalnya yang menunjukkan makna singa adalah، أَسَامَةُ، الأسدُ، اللَّيْثُ، السَّبْعُ. Bangsa yang paling kaya bahasa dengan sinonim (*mutaradif*) adalah bangsa Arab. Sebagai contoh, kata السَّيْفُ (pedang) mempunyai lebih dari seribu nama, begitu juga dengan kata الأسدُ (singa), ia memiliki lima ratus nama, عَسَلُ (madu) dengan 80 lebih nama dan sebagainya. Hal ini terjadi juga pada kata-kata yang menunjukkan sifat. Misalnya, kata bagi (panjang) طَوِيلُ، (pendek) قَصِيرُ، (dermawan) كَرِيمٌ dan kata-kata sifat yang lain. (Imil Badi':2006)

Manakala menurut al-Suyuti, baginya *taraduf* merupakan dua kata yang mempunyai makna yang sama atau bersangkutan. Lain halnya dengan al-A'rabi yang memberikan pengertian yang berbeza. Iaitu, *taraduf* adalah penggunaan dua kata berbeza yang sering digunakan oleh orang Arab apabila ingin menunjukkan satu nama atau benda yang sama tetapi penggunaan yang berbeza. Baginya, beliau membezakan dua kata tersebut dari segi penggunaannya walaupun mempunyai maksud yang sama.

Terdapat ulama yang berbeza pendapat dalam memberikan makna bagi *taraduf* ini, hal ini kerana sejak awal lagi mereka berselisih dalam memahami hakikat makna bagi *taraduf* itu sendiri. Antaranya adalah al-Jurjani, beliau mengatakan bahawa *taraduf* merupakan kata yang mempunyai satu makna dan memiliki beberapa nama. Ia juga merupakan antonim bagi *mushtarak*. (Al-Jurjani:2009)

Ada pandangan yang mengatakan bahawa *mutaradif* dan *mushtarak* ini mempunyai kesamaan dengan *al-Wujuh wa al-Nazair* iaitu, *mutaradif* serupa dengan *al-Nazair* dan *mushtarak* sama dengan *al-Wujuh*. namun demikian, terdapat sedikit perbezaan diantara *mushtarak* dengan *al-Wujuh* iaitu *al-Wujuh* boleh terjadi pada lafaz yang tunggal dan mempunyai rangkaian pada kata. Manakala bagi *mushtarak*, ia hanya terjadi pada satu lafaz sahaja.

Hal ini juga sama dengan *mutaradif* dan *al-Nazair*. Keduanya-duanya mempunyai perbezaan dari sudut analisis makna, misalnya bagi kata *insan* (انسان) ia mempunyai makna yang serupa dengan *basyar* (بشر). Walaupun begitu ia hanya analisis di situ sahaja tanpa mempunyai pembahasan yang lebih mendalam dari segi persamaan dan perbezaannya. (M.Quraish:2002)

3.0 SEBAB-SEBAB KEMUNCULAN MUTARADIF

Antara penyebab kemunculan *mutaradif* adalah seperti berikut:

1. Terdapat banyak perpindahan lahjah (dialek) daripada bahasa Arab ke lahjah orang Quraisy. Hal ini demikian kerana terjadi pergaulan di antara mereka yang pada mulanya kata-kata ini tidak wujud dan orang Quraisy tidak menggunakannya kerana mereka mempunyai kata yang lain yang memiliki makna yang serupa. Oleh itu, pergaulan ini telah menyebabkan adanya sinonim dalam bentuk nama, sifat dan kata.
2. Terdapat beberapa penulis kamus yang memasukkan kosa kata dari lahjah kabilah yang berbeza seperti dialek suku Qais, Ailan, Tamim, Asad, Huzail, Quraisy dan sebahagian suku Kinanah.

3. Kepelbagaian kata sifat dari sesuatu benda kepada nama untuk benda yang disifatkan tersebut. Misalnya antara nama-nama bagi pedang adalah *المُهَنْدُ*, *الْقَاطِعُ*, *الْحَسَامُ* dan *الْيَمَانِيُّ*. Nama *السَّيْفُ* menjadi ganti bagi nama-nama kata sifat tersebut. Tetapi makna bagi setiap sifat tersebut memiliki maksud yang tersendiri.
4. Kebanyakannya di dalam kamus, tiada perbezaan dalam perletakan kosakata antara makna *haqiqi* dengan makna *majazi* kerana sebahagian besar sinonim mempunyai maksud yang berbeza secara hakikat tetapi sama secara majaz.
5. Terdapat banyak kosakata yang apabila dilihat secara hakikatnya ia tidak memberikan maksud yang sama. Hal ini dapat dilihat dari konteks keadaan yang dimiliki oleh setiap kosakata tersebut. Misalnya kata bagi *نَظَرَ* (melihat), ia mempunyai nama lain seperti *رَمَقَ*, *رَنَا*, *لَحَظَ*, *رَمَقَ*, *رَنَا*, *شَفَنَ* dan *حَدَجَ*. Setiap kata ini memberikan ciri khas masing-masing. Kata *رَمَقَ* menunjukkan melihat sesuatu secara keseluruhan, *لَحَظَ* memberi makna memandang dengan melirikkan mata, *حَدَجَ* bermaksud melihat secara terbeliak mata, *شَفَنَ* menunjukkan melihat sesuatu benda dengan perasaan takjub dan *رَنَا* bererti melihat dengan tenang akan sesuatu benda.
6. Di dalam kitab-kitab Arab terdahulu, terdapat banyak kesilapan baris dan titik dalam penulisan. (Imil Badi':2006)

4.0 PANDANGAN ULAMA TERHADAP *MUTARADIF* DALAM AL-QURAN

Para ahli tafsir telah membahagikan pandangan berkaitan *mutaradif* kepada dua bentuk, iaitu pendapat yang mengatakan adanya *mutaradif* dalam al-Quran dan pendapat yang menolak adanya *mutaradif* tersebut.

4.1 Pendapat Yang Mengatakan Adanya *Mutaradif* Dalam Al-Quran

Para ulama bersetuju tentang keberadaan *mutaradif* dalam *‘ulum al-Quran* kerana disebabkan wujudnya wasilah atau hubungan dengannya tetapi bukan pada zatnya. Terdapat beberapa perbincangan berkaitan perkataan *mutaradif* dalam *‘ulum al-Quran*. Antara perbincangannya adalah mengenai *taukid* dalam al-Quran, *sab'ah al-ahruf* serta ilmu *al-mutasyabih*. (Muhammad Nur:1997)

Pendapat yang mengatakan bahawa adanya *mutaradif* dalam al-Quran adalah berdasarkan asas berikut:

4.1.1 *Mutaradif* membawa makna sebahagian daripada *taukid*.

Sebahagian ulama berpandangan bahawa *mutaradif* merupakan sebahagian daripada *taukid* dan melihat ianya adalah *taukid* dari segi makna. Oleh itu, para ulama membentuk *taukid*

kepada dua bagian, yaitu *taukid* dengan kata yang *mutaradif* dan *taukid* dengan *meng^catafkan* yang sama. (Muhammad Nur:1997:116)

Imam al-Zarkasyi mengutip pandangan dari nukilan Muhammad Nuruddin al-Munajjad berkaitan *‘ataf* yang membawa maksud ia merupakan salah satu dari berbagai bentuk seerti atau yang mempunyai makna yang serupa dalam *taukid*. Antara ciri-ciri *‘ataf* adalah wujudnya huruf *wawu* pada sesebuah kalimat atau adanya *wawu al-‘ataf*. Seperti dalam firmanNya, (فَمَا (فَلَا يَخَافُوا ظُلْمًا وَلَا هَضْمًا) (QS: Ali-Imran: 146), (وَهَنُوا لِمَا أَصَابَهُمْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ وَمَا ضَعُفُوا وَمَا اسْتَكَانُوا (QS: Taha: 112), (لَّا تَخَافُوا دَرَكًا وَلَا تَخْشَى) (QS: Taha: 77), (ثُمَّ عَبَسَ وَبَسَرَ) (QS: al-Muddassir: 22), (لَّا تُبْقِي وَلَا تَدْرُ) (QS: al-Muddassir: 28), (إِنَّمَا أَشْكُوا بَثِّي وَحُزْنِي إِلَى اللَّهِ) (QS: Yusuf: 86), (أَلْقَاهَا إِلَى مَرْيَمَ وَرُوحٌ مِّنْهُ (QS: al-Nisa’: 171) dan sebagainya. (Muhammad Nur:1997:117)

4.1.2 *Mutaradif* didasarkan sebagai *sab’ah al-ahruf*

Di dalam kitab *fada’il al-Quran* pada bab *unzila al-Quran ‘ala Sab’ah al-ahruf*, menurut Riwayat Al-Bukhari, sesungguhnya Rasulullah SAW bersabda “*Sesungguhnya al-Quran ini diturunkan dengan tujuh cara bacaan (Sab’ah al-ahruf) maka bacalah apa yang mudah darinya*”. *Sab’ah al-ahruf* menurut kebanyakan ulama bermakna tujuh bahasa atau dialek dalam bahasa Arab yang mempunyai satu makna. (Manna' Qattan:2000)

Al-Zarkasyi memberi pandangan *mutaradif* itu bermaksud kata yang terdapat dalam tujuh dialek kabilah Arab dan ia memiliki makna yang sama. Di samping itu, beliau menguatkan hujahnya dengan membawakan ayat al-Quran dari Surah Yasin ayat 29. Firman Allah SWT:

إِنْ كَانَتْ إِلَّا صَيْحَةً وَاحِدَةً

Dengan dialek lain ia dibaca seperti:

إِنْ كَانَتْ إِلَّا زَقِيَّةً وَاحِدَةً

4.1.3 *Mutaradif* membawa makna sebahagian daripada *mutasyabih*.

Seterusnya, di dalam *‘Ulum Al-Quran* ulama bersepakat berkaitan wujudnya *al-mutasyabih* (penyerupaan) dalam *mutaradif*. Definisi ilmu *al-mutasyabih* menurut Imam al-Zarkasyi adalah bermaksud satu peristiwa yang terdapat pada surah-surah yang berlainan. Iaitu penggantian satu kalimat dengan kalimat yang lain dalam dua ayat yang serupa. (Muhammad Nur:1997)

Misalnya, dalam QS. Al-Baqarah ayat 36:

فَأَزَلَّهُمَا الشَّيْطَانُ عَنْهَا... الخ

Maksudnya: "Setelah itu maka Syaitan menggelincirkan mereka berdua dari syurga itu".

Pada bentuk yang lain pula, seperti dalam surah Al-A’raf ayat 20:

فَوَسْوَسَ لَهُمَا الشَّيْطَانُ... الخ

Maksudnya: "Maka syaitan membisikkan fikiran jahat kepada keduanya".

Menurut penafsiran Imam al-Thabari, beliau menafsirkan ayat al-Quran dengan menggantikan kepada lafaz yang sinonim dengan ayat tersebut. Sebagai contoh, kalimat (تَمَّ يَفْتَحُ بَيْنَنَا بِالْحَقِّ) ditafsirkan dengan ayat yang serupa (تَمَّ يَفْضُ بَيْنَنَا بِالْعَدْلِ), seterusnya kalimat (وَهُوَ الْفَتْاحُ الْعَلِيمُ) ditafsirkan pula dengan (وَاللَّهُ الْقَاضِي الْعَلِيمُ بِالْقَضَاءِ بَيْنَ خَلْقِهِ).

Menurut Sibawayh, perkara ini terjadi rentetan berlakunya interaksi antara kabilah Arab dengan kabilah yang lain, ia tidak boleh menghalang adanya sinonim apabila terjadi kesamaan makna walaupun dengan penggunaan lafaz kata yang berbeza.

Beliau juga telah menyatakan bahawa, “Adakalanya orang Arab menggunakan bahasa yang mempunyai dua kata dengan dua maksud yang berbeza, dua kata yang mempunyai satu makna atau satu kata yang memiliki dua atau tiga kata yang berbeza maksud”. Antara contoh dua kata yang mempunyai satu makna adalah kata ذهب dan انطلق yang membawa erti pergi. Inilah yang dikatakan *taraduf*. (Abd Tawwab:1999)

Selain itu, terdapat juga pandangan yang sama dari *al-Asmu'ī*, Fakh al-Din al-Razi, Taj al-Subki dan *al-Rummani*. Mereka berpendapat bahawa, sekiranya dalam setiap kata mempunyai makna yang tidak sama, bagaimana mungkin untuk menerangkan sesuatu perkataan dengan bahasa yang berbeza, misalnya apabila menjelaskan kata لا ريب فيه dengan لا شك فيه yang terdapat dalam al-Quran.

Mereka menambahkan lagi dengan mengemukakan persoalan, apabila *al-Syakk* dan *al-Rayb* mempunyai maksud yang berbeza, maka apa yang ditafsirkan oleh ulama terdahulu dalam kitab-kitab tafsir mereka dengan kata tersebut adalah salah. (Ahmad Fawaid:2011)

4.2 Pandangan Yang Menolak Adanya *Mutaradif* Dalam Al-Quran

Antara tokoh bahasa yang menolak adanya *mutaradif* dalam al-Quran adalah *Tha'lab*, *Ibn Faris* dan *Abu Hilal al-Askari*. Mereka berpendapat bahawa dua kata tidak mungkin mempunyai satu makna tanpa perbezaan yang *fundamental*. Hal ini demikian kerana, satu kata tersebut menjadi tidak berguna apabila ia dikenali sebagai makna yang sama (*taraduf*).

Hujah ini dikuatkan lagi dengan tulisan yang dinukilkan oleh *Abu Hilal* dalam bukunya yang bertajuk *al-Furuq al-Lughawiyah*. Beliau membawakan penjelasan berkaitan perbezaan kata yang sering dianggap sama oleh orang ramai. (Ahmad Mukhtar:2006)

Timbulnya perbezaan pandangan dari ahli bahasa moden ini kerana ia dilihat dari pelbagai perspektif yang berbeza. Kedua-duanya adalah kerana mereka tidak dapat memisahkan antara makna kata dengan sifat bagi kata tersebut. Sebagai contoh, kata سيف dan صريم kedua-duanya memberi maksud pedang.

Akan tetapi, maksud bagi kata *sayf* dilihat dari sudut zat atau bendanya. Manakala, bagi kata *sarim* dilihat dari perspektif sifat bagi pedang tersebut, iaitu segi ketajamannya. Kebanyakan orang Arab menggunakan kata *sayf* untuk menunjukkan makna pedang, bagi kata *sarim* pula digunakan untuk menunjukkan sifat bagi pedang tersebut. (Ahmad Mukhtar:224)

Oleh itu, ahli bahasa moden telah menetapkan kriteria yang khusus untuk menunjukkan sinonim bagi kata dalam sesuatu bahasa. Pertama, bahasa tersebut hendaklah terjadi pada lingkungan bahasa yang sama. Kedua, bahasa tersebut perlulah terjadi pada satu masa, iaitu,

bahasa yang digunakan dahulu tidak boleh disamakan maknanya dengan bahasa yang telah berkembang pada waktu sekarang. (Ibrahim Anis: 2003)

Menurut Al-Asfahani dalam karyanya *Mu'jam Mufradat li AlFaz al-Quran*, beliau menyatakan bahawa setiap kata itu tidak boleh disamakan sepenuhnya walaupun mempunyai makna yang sama. Hal ini demikian kerana, setiap kata dalam al-Quran mempunyai susunan dan kekhususannya yang tersendiri. Setiap kalimat bersesuaian dengan tempatnya serta mempunyai makna yang berbeza antara satu sama lain. Oleh itu, beliau memuatkan dalam karyanya beberapa kata yang sering dianggap sama dalam al-Quran. (Al-Asfahani:2008)

Menurut pandangan *Al-Baraziy*, beliau berpendapat bahawa kadangkala terdapat kata yang mempunyai kemuliaan yang lebih tinggi berbanding kata yang lain. Walaupun kata tersebut mempunyai makna yang sama. Misalnya dalam firman Allah SWT (وَمَا كُنْتُمْ تَتْلُو مِنْ قَبْلِهِ مِنْ كِتَابٍ) lebih utama berbanding penggunaan kata (تقرأ), serta pada kata (لا ريب) lebih baik daripada kata (لا شك), dan pada kata (ولا تهنوا) lebih diutamakan berbanding kata (ولا تضعفوا), dan juga pada kata (خير لكم) katanya lebih ringan berbanding kata (افضل لكم). (Muhammad Nur:1997)

Tambahan lagi, terdapat beberapa ulama kontemporari yang memiliki pandangan yang hampir sama dengan Al-Asfahani. Di antaranya ialah *Abdul al-Rahman al-^cAkk*, *Manna Khalil al-Qattan* serta *Bint al-Syati*. Bagi *Abdul al-Rahman al-^cAkk*, beliau memberi pendapat bahawa tidak ada kata yang sama dalam al-Quran itu melainkan setiapnya memberi makna yang berbeza. (Abdul Rahman)

Di samping itu, *al-Qattan* juga memberi pandangan iaitu di dalam al-Quran walaupun terdapat kata yang dianggap sinonim, akan tetapi ianya bukanlah sama meskipun maknanya sama. Misalnya, pada kata *al-khasyyah* dan *al-khauf*. Kata *al-khasyyah* mempunyai makna yang lebih mendalam berbanding kata *al-khauf*. (Manna' Qattan:2000)

Selain itu juga, terdapat ulama yang menolak adanya *mutaradif* dalam al-Quran adalah *Bint al-Syati*. Beliau mengambil pandangan daripada Ibnu Faris yang mengatakan bahawa apabila terdapat dua kata yang membawa satu makna, maka kata tersebut mempunyai kekhususan yang tidak terdapat pada lafaz kata yang lain. Jika ia mempunyai makna yang sama maka lafaz kata yang lain tersebut akan menjadi sia-sia. Oleh hal yang demikian, lafaz kata yang lain itu hanyalah sifat. Sebagai contoh, lafaz yang menunjukkan batu mempunyai 70 kata, bagi lafaz singa 500 kata, ular pula 200 kata dan pedang 50 kata. (Aisyah:2004)

Bint al-Syati juga mengkritik ulama yang sejak dahulu disibukkan dengan perdebatan berkaitan *mutaradif* ini sehingga melahirkan berbagai pendapat. Beliau telah melakukan pengumpulan kata-kata yang terdapat dalam al-Quran serta menyimpulkan bahawa setiap kata dalam al-Quran mempunyai makna yang tersendiri dan tidak boleh diganti dengan kata yang lain, baik menurut kamus-kamus bahasa atau kitab tafsir. Oleh sebab itu, beliau menolak adanya *mutaradif* kerana ia akan mengurangi I'jaz Bayani yang terdapat dalam al-Quran. (Ahmad Fawaid:2015)

M. Quraish Shihab mengambil pandangan daripada mufasir *al-Tabataba^ci* iaitu penulis tafsir al-Mizan, beliau menukulkan bahawa terdapat perbezaan makna diantara perkataan *Sirat* (صراط) dan *Sabil* (سبيل). Perkataan *Sirat* (صراط) membawa makna iaitu sesuatu jalan yang membawa kepada kebaikan, keadilan serta hak bagi sesuatu. Oleh sebab itu, ia hanya ada pada bentuk mufrad sahaja tidak ada pada bentuk jamak. Manakala, bagi perkataan *Sabil* (سبيل) ia membawa makna iaitu sesuatu jalan kecil yang mempunyai pelbagai arah dan tujuan.

Demikianlah al-Quran menggunakan perkataan ini yang memberi makna dua jalan, iaitu jalan yang mempunyai arah pada kebaikan serta jalan yang mempunyai arah yang sebaliknya. Beginilah penggunaan di dalam al-Quran, ia mempunyai kata yang unik iaitu setiap kata membawa makna yang tersendiri dan tidak sama antara satu sama lain. (M. Quraish:2002)

M. Quraish Shihab, salah seorang pakar dalam bidang tafsir dari Indonesia menolak adanya *mutaradif* dalam al-Quran. Beliau membawakan kaedah umum berkaitan *mutaradif* iaitu, dua kata walaupun sama maknanya tetapi pasti mengandungi perbezaan antara keduanya.

Walaupun kedua kata tersebut sama dari segi akar kata mahupun apabila terdapat penambahan pada kedua huruf tersebut. Misalnya pada kata *rahman* dan *rahim*, walaupun hanya mempunyai perbezaan pada huruf tidak kira banyak atau sedikit, pastinya terdapat perbezaan pada kedua kata tersebut.

Tambahan lagi, beliau juga membawakan contoh-contoh yang dianggap sinonim seperti kata *qalb* (قلب) dan *fuad* (فؤاد), *ibad* (عباد) dan *abid* (عبيد), *ja'ala* (جعل) dan *khalafa* (خلق), dan juga kata *ma adraka* (مأدرأك) dengan *ma yudrika* (مايدريك). Semua perkataan ini walaupun mempunyai makna yang sama tetapi ia mempunyai makna penggunaan yang berbeza di dalam al-Quran.(2002:126)

5.0 DEFINISI KATA *FI'IL*

Kata *fi'il* terdiri dari tiga huruf *fa* (ف), *a* (ع) dan *la* (ل) merupakan bentuk *masdar* dari *فَعَّلًا - فَعَّلَ*. Bentuk jamaknya adalah (أَفْعَالٌ).

Dalam kitab *Mu'jam al-Mufahras li al-Faz al-Qur'an al-Karim* yang dikarya oleh Muhammad Fuad Abdul Baqi, penulis menemukan jumlah kata *fi'il* (فعل) sebanyak 94 kali di dalam al-Quran. Akan tetapi, penulis hanya memfokuskan kata *fi'il* di dalam surah al-Baqarah sahaja iaitu sebanyak 12 kali.

Menurut Kitab *Tartib al-Qamus al-Muhit*, perkataan *fi'il* ini secara bahasa menunjukkan kepada pergerakan manusia dalam melakukan sesuatu perbuatan. Ia adalah kata kerja bagi sesuatu perbuatan baik dan buruk yang dilakukan oleh seseorang. (Al-Tahir:1996)

Menurut al-Asfahani, kalimat *fi'il* memberi maksud bahawa perkataan ini dinyatakan secara umum iaitu setiap perkara mempunyai pilihan bagi mereka serta mempunyai batasan masa yang pendek. (2004)

Kata (فعل) biasanya membawa maksud melakukan atau membuat. Kata ini apabila pelakunya manusia maka terdapat kesan daripada perbuatan tersebut. Selain itu, apa yang dimaksudkan dengan kata (فعل) bagi manusia selalunya adalah kelakuan buruk. Misalnya di dalam surah al-Anbiya' (21): 59. Allah SWT berfirman:

قَالُوا مَنْ فَعَّلَ هَذَا بِأَهْلِنَا إِنَّهُ لَمِنَ الظَّالِمِينَ

Maksudnya: "Siapakah yang melakukan perbuatan yang demikian terhadap tuhan-tuhan kami? Sesungguhnya ia adalah dari orang-orang yang zalim".

Surah al-Anbiya' (21): 59

Hanya sekali kata (فعل) yang pelakunya adalah Allah SWT tetapi dari bentuk-bentuk lain yang semisal dengannya dapat disimpulkan bahawa apabila pelakunya Allah SWT maka ia mengandungi ancaman atau seksaan. (Al-Asfahani:2004)

6.0 DEFINISI KATA ^cAMAL

Kata ^camal terdiri dari tiga huruf ^ca (ع), ma (م) dan la (ل) merupakan bentuk *masdar* dari عَمَلًا عَمِلَ - يَعْمَلُ - عَمَلٌ. Bentuk jamaknya adalah ^amal (أَعْمَالٌ).

Dalam kitab *Mu^cjam al-Mufahras li al-Faz al-Qur'an al-Karim* yang dikarya oleh Muhammad Fuad Abdul Baqi, penulis menemukan pelbagai bentuk kata ^camal dan kata lain yang seasal dengan kata itu disebut sebanyak 359 kali. Tetapi untuk kajian ini penulis hanya memfokuskan kata ^camal di dalam surah al-Baqarah sahaja iaitu sebanyak 21 kali.

Secara bahasa, kata ^camal bermaksud perbuatan, pekerjaan dan aktiviti. Seperti dalam Surah Fussilat (41): 46. Menurut Ibnu Faris, اعْتَمَلَ الرَّجُلُ bererti seseorang itu bekerja untuk dirinya sendiri. Manakala bagi عَمِلَ الرَّجُلُ bermakna seseorang itu bekerja untuk kepentingan orang ramai, di samping juga untuk kepentingan diri sendiri.

Di dalam al-Quran, bagi kata perbuatan digunakan kata ^camal, bukan ^Ictimal (اعْتَمَلَ), kerana yang menentukan perbuatan itu baik atau tidak bukan sahaja pelakunya, tetapi juga pihak lain; bahkan lebih ditentukan oleh Allah SWT. Oleh itu, perbuatan itu dapat dikatakan baik, jika telah dinilai baik oleh pelakunya, orang lain dan Allah SWT. Demikian juga sebaliknya. (M.Quraish:2007)

Kata (عملوا) diambil dari kata (عمل) yang biasa digunakan untuk “menggambarkan sesuatu aktiviti yang dilakukan dengan sengaja dan mempunyai makna yang tertentu”. Apabila terdapat niat atau tekad untuk melaksanakan sesuatu perbuatan, walaupun masih belum terlaksana tetapi dinamai juga sebagai ^camal. Rasulullah s.a.w. memberi penjelasan bahawa niat yang baik akan dinilai Allah sebagai amal soleh dan tercatat di dalam kitab amalan masing-masing. Berbeza halnya dengan niat buruk.

Niat ini dinilai sebagai ^camal kerana dikenali sebagai istilah “perbuatan hati” (^camal al-qalb). Disini dapat disimpulkan bahawa kata ^camal dalam bahasa al-Quran mencakupi segala perbuatan yang dilakukan dengan niat sengaja dan mempunyai tujuan yang tertentu, walaupun hanya dalam bentuk niat atau tekad, serta penggunaan dari segi fizikal, pemikiran, hati dan kehidupan. Kebiasaannya amal yang diterima oleh Allah SWT disebut sebagai amal soleh. (M.Quraish:2002)

Di dalam kitab *Al-Mufradat Fi Gharibul Quran*, secara terminologinya, kata *amal* memberi makna perbuatan atau aktiviti yang dilakukan secara sadar dan sengaja, mengikut kepada daya, pemikiran, fizikal dan hati. Al-Asfahani mengatakan bahawa kata *amal* maknanya lebih khusus berbanding kata lain yang sinonim dengannya, seperti kata *fi'il*. Walaupun kedua kata itu mempunyai makna yang serupa, akan tetapi *fi'il* lebih ditujukan kepada perkara yang lebih umum dan secara tidak sengaja. Bahkan tidak digunakan *amal* pada haiwan kecuali pada beberapa ayat sahaja yang khusus. Selain itu, ia mempunyai batasan masa yang panjang, perbuatan yang dilakukan memang atas kehendak dan kemahuan serta ianya digunakan untuk menunjukkan ancaman dan gertakan. (Abi Al-Qasim:2009)

M. Quraish Shihab mengupas berkaitan kata (عمل) iaitu membawa maksud amalan atau pekerjaan yang digunakan dalam al-Quran untuk menggambarkan penggunaan daya manusia seperti daya fikiran, daya fizikal, hati serta daya hidup yang dilakukan dengan sadar oleh manusia dan jin. Kata *amal* sering digandingkan dengan kata soleh untuk menunjukkan pekerjaan yang apabila dilakukan maka hilanglah sesuatu mudharat atau dengan dikerjakannya diperoleh manfaat dan kesesuaian. (2002)

Di samping itu, al-Quran juga menerapkannya pada perbuatan jin. Seperti surah Saba (34): 12–13. Di sini Allah SWT menjelaskan kepada kita bahawa atas keizinannya sebahagian jin itu bekerja di bawah pemerintahan Nabi Sulaiman. Misalnya, membuat bangunan-bangunan di dalam bentuk gedung-gedung yang tinggi (*maharib*: مَحَارِيب), patung-patung (*tamatsil*: تَمَائِيل) dan mangkuk besar (*jifan*: جِفَان). Walaupun ianya merupakan perintah Nabi Sulaiman AS, secara tidak langsung perbuatan *amal* para jin ini merupakan perintah dari Allah. Hal ini terbukti pada ayat 12 di dalam surah itu Allah SWT menjelaskan bahawa yang menyimpang di antara mereka akan mendapat seksaan Allah SWT. (Al-Asfahani:2004)

7.0 KONTEKS PENGGUNAAN KATA *FI'IL* DAN *AMAL* DALAM AL-QURAN MENURUT PANDANGAN PARA MUFASSIR

7.1 Kata *Fi'il* yang membawa makna melakukan perbuatan baik.

Firman Allah: Surah Al-Baqarah (1): 197

الْحَجُّ أَشْهُرٌ مَعْلُومَاتٌ ۖ فَمَنْ فَرَضَ فِيهِنَّ الْحَجَّ فَلَا رَفَثَ وَلَا فُسُوقَ وَلَا جِدَالَ فِي
الْحَجِّ ۗ وَمَا تَفَعَّلُوا مِنْ خَيْرٍ يَعْلَمُهُ اللَّهُ ۗ وَتَزَوَّدُوا فَإِنَّ خَيْرَ الزَّادِ التَّقْوَى ۗ وَاتَّقُوا
يَا أُولِي الْأَلْبَابِ

Maksudnya:

“Haji itu ialah beberapa bulan yang termaklum. Oleh yang demikian sesiapa yang telah mewajibkan dirinya (dengan niat mengerjakan) ibadat Haji itu, maka tidak boleh mencampuri isteri, dan tidak boleh membuat maksiat, dan

*tidak boleh bertengkar, dalam masa mengerjakan ibadat Haji. Dan apa jua kebaikan yang kamu **kerjakan** adalah diketahui oleh Allah; dan hendaklah kamu membawa bekal dengan secukupnya kerana sesungguhnya sebaik-baik bekal itu ialah memelihara diri (dari keaiban meminta sedekah); dan bertaqwalah kepadaKu wahai orang-orang yang berakal (yang dapat memikir dan memahaminya)”.*

Di dalam tafsir Ibnu Katsir, ayat ini memberikan tafsiran berkenaan perkara-perkara yang tidak boleh dilakukan oleh jemaah haji tidak kira dari segi lisan mahupun perbuatan. Seterusnya, Allah SWT menggunakan perkataan **تَفَعَّلُوا** disini menyambung dengan perintah untuk melakukan kebaikan. Tambahan lagi, Allah SWT akan memberi pahala yang sebanyak-banyaknya bagi sesiapa yang melakukan kebaikan tersebut. (2004)

Menurut Tafsir Munir, **وَمَا تَفَعَّلُوا مِنْ خَيْرٍ يَعْلَمُهُ اللَّهُ** ayat ini menerangkan bahawa jangan mengeluarkan perkataan kotor, membuat fasik dan berbantah-bantah supaya jiwa mereka menjadi suci daripada hal-hal yang tidak sepatutnya. Hal ini juga kerana, Allah SWT maha Mengetahui terhadap apa sahaja yang mereka lakukan serta Dia akan membalas segala kebaikan yang dilakukan. Jadi ayat ini merupakan *jawab syarat* terhadap segala perlakuan yang mereka lakukan. (2013)

Firman Allah: Surah Al-Baqarah (1): 215

يَسْأَلُونَكَ مَاذَا يُنْفِقُونَ ۗ قُلْ مَا أَنْفَقْتُمْ مِنْ خَيْرٍ فَلِلْوَالِدَيْنِ وَالْأَقْرَبِينَ وَالْيَتَامَىٰ
وَالْمَسْكِينِ وَابْنِ السَّبِيلِ ۗ وَمَا تَفَعَّلُوا مِنْ خَيْرٍ فَإِنَّ اللَّهَ بِهِ عَلِيمٌ

Maksudnya:

*“Mereka bertanya kepadamu (wahai Muhammad): apakah yang akan mereka belanjakan (dan kepada siapakah)? Katakanlah: “Apa jua harta benda (yang halal) yang kamu belanjakan maka berikanlah kepada: Kedua ibu bapa, dan kaum kerabat, dan anak-anak yatim, dan orang-orang miskin, dan orang-orang yang terlantar dalam perjalanan. Dan (ingatlah), apa jua yang kamu **buat** dari jenis-jenis kebaikan, maka sesungguhnya Allah sentiasa mengetahuinya (dan akan membalas dengan sebaik-baiknya)”.*

Menurut tafsiran Ibnu Katsir, ayat ini menunjukkan amal kebaikan bagi sesiapa yang memberi infaq tidak kira berupa apa, semuanya akan dibalas Allah SWT dengan pahala yang lebih besar, kerana Allah SWT tidak pernah menzalimi seorang pun meski hanya sebesar zarah. (2004)

Sesungguhnya Allah SWT mengetahui amalan kebajikan itu serta mengetahui motifnya dan niat yang menyertainya. Jadi amalan tersebut tidak hilang begitu sahaja. Semuanya tercatat dalaam kiraan Allah SWT. (Syed Qutb:2003)

Menurut Tafsir Misbah, infaq yang dimaksudkan di sini adalah yang bersifat anjuran dan di luar kewajipan zakat. Seterusnya, Allah SWT menutupkan ayat ini secara umum iaitu mencakupi siapa dan nafkah apa pun selain harta. (2002)

Firman Allah: Surah Al-Baqarah (1): 234

وَالَّذِينَ يُتَوَفَّوْنَ مِنْكُمْ وَيَذَرُونَ أَزْوَاجًا يَتَرَبَّصْنَ بِأَنْفُسِهِنَّ أَرْبَعَةَ أَشْهُرٍ وَعَشْرًا ۖ فَإِذَا
بَلَغْنَ أَجَلَهُنَّ فَلَا جُنَاحَ عَلَيْكُمْ فِي مَا فَعَلْنَ فِي أَنْفُسِهِنَّ بِالْمَعْرُوفِ ۗ وَاللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ
خَبِيرٌ

Maksudnya:

Dan orang-orang yang meninggal dunia di antara kamu, sedang mereka meninggalkan isteri-isteri hendaklah isteri-isteri itu menahan diri mereka (ber'iddah) selama empat bulan sepuluh hari. Kemudian apabila telah habis masa idahnya itu maka tidak ada salahnya bagi kamu mengenai apa yang dilakukan mereka pada dirinya menurut cara yang baik (yang diluluskan oleh Syarak). Dan (ingatlah), Allah sentiasa mengetahui dengan mendalam akan apa jua yang kamu lakukan.

Pada ayat ini diceritakan berkenaan penceraian, akan tetapi di sini adalah penceraian akibat kematian. Di dalam tafsir Misbah, ayat ini bersifat umum iaitu ditujukan kepada seluruh anggota masyarakat, baik lelaki mahupun perempuan untuk berpesan kepada wanita yang kematian suaminya dengan pesanan yang disebut dalam ayat ini. Ayat ini juga meletakkan tanggungjawab kepada setiap individu muslim untuk saling menegur bagi yang tidak melaksanakannya. (2002)

Tambahan lagi, di dalam ayat ini ditegaskan bahawa apa yang para isteri lakukan apabila sudah selesai iddahnyanya iaitu selama empat bulan sepuluh hari adalah sesuatu yang baik seperti keinginan untuk berhias bahkan berkahwin lagi juga dibolehkan dan masyarakat juga tidak boleh melarangnya untuk berbuat demikian. (2002)

Menurut tafsir Ibnu Katsir, ayat ini merupakan perintah Allah SWT kepada para janda apabila kematian suami supaya beriddah empat bulan sepuluh hari. Hukum ini meliputi wanita yang sudah dijima' oleh suaminya serta yang belum dijima'. Seterusnya, pada ayat ini juga *فِي مَا فَعَلْنَ* menunjukkan bahawa wanita yang berhias setelah selesai iddahnyanya dan

yang menerima pinangan baru, maka tiada dosa pada mereka apabila melakukan perkara tersebut. Hal ini demikian kerana, ia adalah sesuatu yang halal lagi baik. (2004)

Menurut Dr. Wahbah Zuhaili dalam tafsirnya, kitab Munir mengupas berkaitan bahagian yang terakhir dalam ayat tersebut iaitu Allah Maha Mengetahui segala apa yang kamu kerjakan. Dia meliputi semua amalmu, bahkan yang terkecil sekalipun, tidak ada yang tersembunyi dari-Nya. Dia mengetahui siapa pun yang menghalangi perempuan menikah lagi lalu Dia akan membalas-Nya. Ayat ini juga bercampur ancaman Allah SWT jika kamu melaksanakan hukum-hukum Allah SWT kamu akan bahagia, manakala jika kamu menyimpang dan abaikan hukum-hukum Allah kamu akan celaka dan terkena seksa. (2013)

7.2 Kata *‘Amal* yang membawa makna melakukan perbuatan baik.

Firman Allah: Surah Al-Baqarah (1): 25

وَبَشِّرِ الَّذِينَ ءَامَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ أَنَّ لَهُمْ جَنَّاتٍ تَجْرِي مِنْ تَحْتِهَا الْأَنْهَارُ ۖ كُلَّمَا رُزِقُوا مِنْهَا مِنْ ثَمَرَةٍ رِزْقًا ۖ قَالُوا هَذَا الَّذِي رُزِقْنَا مِنْ قَبْلُ ۖ وَأُتُوا بِهِ مُتَشَابِهًا ۖ وَهُمْ فِيهَا أزْوَاجٌ مُطَهَّرَةٌ ۖ وَهُمْ فِيهَا خَالِدُونَ

Maksudnya:

“Dan berilah khabar gembira kepada orang-orang yang beriman dan beramal soleh, sesungguhnya mereka beroleh syurga yang mengalir di bawahnya beberapa sungai; tiap-tiap kali mereka diberikan satu pemberian dari sejenis buah-buahan syurga itu, mereka berkata: “Inilah yang telah diberikan kepada kami dahulu”; dan mereka diberikan rezeki itu yang sama rupanya (tetapi berlainan hakikatnya), dan disediakan untuk mereka dalam syurga itu pasangan-pasangan, isteri-isteri yang sentiasa bersih suci, sedang mereka pula kekal di dalamnya selama-lamanya”.

Pada ayat yang sebelumnya diceritakan tentang keadaan di neraka bagi mereka yang melakukan kekufuran kepada Allah. Maka, pada ayat yang seterusnya, Allah membawakan pemandangan nikmat-nikmat syurga bagi mereka yang beriman kepadanya. (Syed Qutb:2003) Oleh itu, syarat untuk memasuki syurga bukan sahaja mempunyai iman, akan tetapi dibuktikan dengan perbuatan iaitu melakukan amal soleh. Hal ini kerana, tidak mungkin hanya ada kepercayaan tanpa gerak amal. (HAMKA:1990)

M. Quraish Shihab menukilkan makna *‘amal* disini iaitu *‘amal* merupakan segala hasil penggunaan daya manusia seperti daya tubuh badan, daya pemikiran, daya hati serta daya hidup. Kesemua daya ini apabila dilakukan untuk tujuan amal soleh maka ia dikategorikan sebagai amalan bermanfaat yang disertai dengan iman yang benar oleh pelakunya yang soleh. Maka mereka inilah yang akan mewarisi syurga. (2002)

Dr. Wahbah az-Zuhaili memberi tafsiran terhadap ayat ini bahawa beriman sahaja tidak mencukupi, akan tetapi keimanan tersebut haruslah dibuktikan dengan ketaatan dan melakukan amal soleh sehingga menyebabkan orang tersebut dapat memasuki syurga Allah SWT. (2013)

Menurut Imam As-Sabuni dalam tafsirnya Safwatul Tafsir, Allah SWT menggunakan kaedah *at-targhib wa at-tarhib* (memberi janji dan ancaman) iaitu dalam membandingkan keadaan orang yang beriman dan orang yang derhaka terhadap Allah SWT Bagi orang beriman yang mempunyai keimanan dan yang terus menerus melakukan amal soleh, Allah SWT memberi khabar gembira kepada mereka dengan memberikan kebun-kebun yang di dalamnya mempunyai pohon serta sungai yang mengalir dibawah istana syurga. (2011)

Firman Allah: Surah Al-Baqarah (1): 62

إِنَّ الَّذِينَ آمَنُوا وَالَّذِينَ هَادُوا وَالصَّابِرِينَ مِنَ آمَنَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ
وَعَمِلُوا صَالِحًا فَلَهُمْ أَجْرُهُمْ عِنْدَ رَبِّهِمْ وَلَا خَوْفٌ عَلَيْهِمْ وَلَا هُمْ يَحْزَنُونَ

Maksudnya:

“Sesungguhnya orang-orang yang beriman, dan orang-orang Yahudi dan orang-orang Nasrani, dan orang-orang Saabien sesiapa di antara mereka itu beriman kepada Allah dan (beriman kepada) hari akhirat serta beramal soleh, maka bagi mereka pahala balasannya di sisi Tuhan mereka, dan tidak ada kebimbangan (dari berlakunya kejadian yang tidak baik) kepada mereka, dan mereka pula tidak akan berdukacita”.

Ayat-ayat yang lalu Allah telah mengancam orang-orang Yahudi yang derhaka. Daripada ancaman tersebut bukan sahaja orang Yahudi, akan tetapi bagi sesiapa yang menderhaka tentulah merasa takut dengan ancaman ini. Oleh demikian, Allah telah memberi jalan keluar bagi sesiapa yang ingin memperbaiki diri iaitu dengan beriman kepada-Nya dan hari akhirat serta melakukan amalan soleh. (As-Sabuni:2011)

Bagi sesiapa yang melakukan perkara yang telah digariskan Allah di atas, tidak kira dari golongan yang mana maka akan memperolehi ganjaran masing-masing di sisi Allah. Oleh sebab itu, tiada lagi sebarang ketakutan mahupun dukacita kerana yang diambil kira disini ialah aqidah tetapi bukanlah bangsa atau kaum. (Syed Qutb:2003)

Al-Quran menggunakan kaedah peringatan pada ayat yang sebelumnya supaya dapat menarik perhatian mereka untuk tidak melakukan perkara tersebut. Dr. Wahbah az-Zuhaili menafsirkan bahawa Allah SWT memberikan harapan untuk mengusir rasa putus asa mereka. Peringatan ini diberikan supaya umat pada zaman sekarang boleh mengambil pelajaran yang berlaku pada kaum yang terdahulu. Allah SWT membawakan prinsip umum yang dilakukan oleh orang beriman iaitu beriman kepada Allah SWT dan hari akhirat serta berpegang teguh kepada tali agama ini. Di samping itu juga, melakukan amal soleh supaya mereka akan termasuk di

kalangan orang yang beruntung, tidak kira ia dari kalangan kaum Muslimin, kaum Yahudi, kaum Nasrani atau dari kalangan mereka yang meninggalkan agama mereka yang sesat dan masuk ke dalam agama Islam. (2013)

Firman Allah: Surah Al-Baqarah (1): 110

وَأَقِيمُوا الصَّلَاةَ وَآتُوا الزَّكَاةَ ۚ وَمَا تُقَدِّمُوا لِأَنفُسِكُمْ مِنْ خَيْرٍ يَجِدُوهُ عِنْدَ اللَّهِ ۗ إِنَّ اللَّهَ بِمَا تَعْمَلُونَ بَصِيرٌ

Maksudnya:

*“Dan dirikanlah oleh kamu akan sembahyang dan tunaikanlah zakat dan apa jua yang kamu dahulukan dari kebaikan untuk diri kamu, tentulah kamu akan mendapat balasan pahalanya di sisi Allah. Sesungguhnya Allah sentiasa Melihat segala yang kamu **kerjakan**”.*

Menurut Tafsir M. Quraish Shihab, sesungguhnya segala yang kita lakukan berupa kebaikan atau keburukan semuanya di dalam ilmu dan pengawasan Allah SWT. Oleh itu, di dalam ayat ini memberi isyarat bahawa segala kebaikan yang dilakukan seseorang kepada orang lain pada hakikatnya, adalah untuk diri sendiri juga. Bahkan, segala yang dilakukan itu lebih banyak pahala ganjaran diperolehi oleh orang tersebut. Hal ini kerana, Allah SWT Yang Maha Memberi, bukannya manusia. (2002)

Menurut Tafsir Ibnu Katsir, perkataan **تَعْمَلُونَ** di sini mengandungi janji dan ancaman sekaligus perintah dan larangan daripada Allah. Abu Ja'far Ibnu Jarir mengatakan bahawa berita ini berasal daripada Allah untuk orang-orang mukmin, iaitu segala apa yang mereka lakukan, perbuatan baik mahupun buruk, malahan tidak kira secara tersembunyi atau terang-terangan, semuanya dibawah pemantauan-Nya.

Jika amalan baik yang dilakukan maka Allah SWT akan membalasnya dengan pahala, manakala jika amalan buruk maka Allah SWT akan membalas dengan yang setimpal dengan amalan tersebut. Di sini Allah ingin memberitahukan kepada seluruh umat manusia bahawa Dia Maha Mengetahui segala apa yang mereka kerjakan, oleh itu supaya mereka lebih bersungguh-sungguh dalam setiap tindakan mereka kerana akan dihitung kelak oleh Allah SWT pada hari akhirat nanti. (Ibnu Katsir:2004)

Dr. Wahbah az-Zuhaili menafsirkan ayat ini dengan Allah menjanjikan pertolongan kepada mereka apabila mereka menunaikan solat dengan sempurna serta membayar zakat untuk membantu kaum fakir miskin. Hal ini demikian kerana, solat itu merupakan salah satu daripada rukun Islam yang wajib kita lakukan, kesannya hubungan kita dengan Allah SWT akan menjadi semakin utuh dan kepercayaan kepada-Nya semakin menguat. Dengan pelaksanaan zakat, masyarakat dapat hidup Bahagia kerana keperluan kehidupan mereka terpenuhi. Maka di sini

kita akan dapat lihat kesatuan antara golongan yang kaya dengan golongan yang miskin. Oleh sebab itu, pahala yang mereka lakukan telah Allah SWT sediakan di hari akhirat. (2013)

7.3 Kata *Fi'il* yang membawa makna melakukan perbuatan buruk.

Firman Allah: Surah Al-Baqarah (1): 68

قَالُوا ادْعُ لَنَا رَبَّكَ يُبَيِّنْ لَنَا مَا هِيَ ۚ قَالَ إِنَّهُ يَقُولُ إِنَّهَا بَقَرَةٌ لَا فَارِضٌ وَلَا بِكْرٌ عَوَانٌ
بَيْنَ ذَلِكَ ۖ فَافْعَلُوا مَا تُؤْمَرُونَ

Maksudnya:

*Mereka berkata pula: “Berdoalah kepada Tuhanmu untuk kami, supaya diterangkanNya kepada kami bagaimana (sifat-sifat) lembu itu?” Nabi Musa menjawab: “Bahawasanya Allah berfirman: Bahawa (lembu betina) itu ialah seekor lembu yang tidak terlalu tua dan tidak terlalu muda, pertengahan (umurnya) di antara itu; maka **kerjakanlah** apa yang diperintahkan kepada kamu melakukannya”.*

Ayat ini mempunyai hubungan dengan ayat yang sebelumnya yang memaparkan kejahatan-kejahatan kaum Yahudi, misalnya melanggar perjanjian, melanggar peraturan di hari Sabtu dan menolak untuk mengamalkan Taurat. Oleh itu, ayat ini masih melanjutkan berkaitan keburukkan yang mereka lakukan.

Di dalam Tafsir Munir, perintah untuk menyembelih sapi betina, bukannya haiwan lain adalah kerana sapi betina ini sama jenisnya dengan haiwan yang pernah mereka sembah. Allah SWT memerintahkan perkara tersebut supaya mereka tidak lagi mengagungkan haiwan itu. Olok-olok mereka terhadap perintah para Nabi menyebabkan mereka mendapat celaan dan hukuman. Ibnu Abbas mengatakan seandainya mereka menyembelih sapi betina seperti apa pun yang mereka kehendaki, tentu sah bagi mereka. Akan tetapi mereka mempersulit atas diri mereka maka Allah SWT mempersulit atas mereka.(Al-Zuhaili:2013)

Menurut M. Quraish Shihab dalam tafsirnya berkenaan ayat ini, perintah Allah SWT seharusnya diterima dan terus dilaksanakan. Akan tetapi, mereka masih belum beranjak melaksanakannya walau penjelasan itu sudah cukup. Bahkan, diisyaratkannya agar tidak perlu lagi ada pertanyaan berikut dengan menyatakan, “*maka kerjakanlah apa yang diperintahkan*

kepada kamu melakukannya”. Ini sebagai kelonggaran buat mereka. Hal ini demikian kerana, semakin banyak pertanyaan yang diajukan semakin banyak pula jawapan yang memberi ciri dan syarat sehingga semakin sulit untuk mereka melaksanakan perintah tersebut. (2002)

Allah SWT memberi penjelasan yang jelas berkaitan lembu tersebut akan tetapi, penjelasan ini disertakan sekali dengan nasihat yang mengandungi perintah yang tegas, “*maka kerjakanlah apa yang diperintahkan kepada kamu melakukannya*”. Perintah Allah SWT sebelumnya pada mereka bersifat umum dan mereka mempunyai pilihan untuk melakukan sepertimana yang mereka inginkan, tetapi akibat pertanyaan mereka yang tidak pernah habis maka mereka tidak lagi diberikan pilihan seperti yang sebelumnya. Bahkan mereka diperintahkan untuk melaksanakan terus seperti apa yang Allah SWT kehendaki. (Syed Qutb:2003)

Firman Allah: Surah Al-Baqarah (1): 71

قَالَ إِنَّهُ يَقُولُ إِنَّهَا بَقَرَةٌ لَا ذَلُولَ تُثِيرُ الْأَرْضَ وَلَا تَسْقِي الْحَرْثَ مُسَلَّمَةٌ لَا شِيَةَ فِيهَا ۗ
قَالُوا أَلَمْ نَكُنْ جَاءَ بِالْحَقِّ ۗ فَدَبَحُوهَا وَمَا كَادُوا يَفْعَلُونَ

Maksudnya:

“Nabi Musa menjawab: “Bahawasanya Allah berfirman: Sebenarnya (lembu yang dikehendaki itu) ialah lembu betina yang tidak pernah digunakan untuk membajak tanah (sawah bendang), dan tidak pula (digunakan mengangkut air) untuk menyiram tanaman; ia juga tidak cacat dan tidak ada belang pada warnanya”. Mereka berkata: “Sekarang barulah engkau dapat menerangkan sifat-sifatnya yang sebenar”. Maka mereka pun menyembelih lembu yang tersebut, dan hampir-hampir mereka tidak dapat **menunaikan** (perintah Allah) itu”.

Menurut Tafsir Ibnu Katsir, dari Ibnu Abbas, Ad-Dhahak mengatakan perkataan يفعلون di sini membawa makna mereka nyaris tidak melakukannya. Hal ini demikian kerana, penyembelihan itu bukanlah suatu yang mereka kehendaki, mereka kalau boleh tidak mahu menyembelihnya. Meskipun telah diberi pelbagai penjelasan, juga berbagai soal jawab, namun mereka tidak menyembelihnya melainkan setelah bersusah payah mencarinya. Semua itu mengandungi celaan terhadap mereka kerana tujuan mereka melaksanakan perkara tersebut tidak lain hanyalah untuk menunjukkan kesombongan mereka. Oleh sebab itu mereka nyaris tidak dapat melakukannya. (2004)

M. Quraish Shihab mengutip pandangan Syed Qutb dalam tafsirnya, beliau mengemukakan ciri-ciri utama tabiat Bani Israil yang tercermin dengan jelas dalam kisah ini, yaitu putusnya hubungan antara jiwa mereka dan sumber keimanan kepada yang ghaib, kepercayaan kepada Allah SWT serta persiapan dalam membenarkan apa yang disampaikan rasul, juga bermalas-malasan dan menunda pemenuhan kewajiban sambil mencari alasan dan dalih, serta kegemaran berolok-olok yang lahir dari kebejatan hati dan keburukkan ucapan. Semua tabiat buruk mereka ini telah menyebabkan mereka hampir untuk tidak dapat melaksanakan perintah Allah SWT. (2002)

Firman Allah: Surah Al-Baqarah (1): 231

وَإِذَا طَلَقْتُمُ النِّسَاءَ فَبَلَّغْنَ أَجْلَهُنَّ فَأَمْسِكُوهُنَّ بِمَعْرُوفٍ أَوْ سَرِّحُوهُنَّ بِمَعْرُوفٍ ۚ وَلَا
تُمْسِكُوهُنَّ ضِرَارًا لِّتَعْتَدُوا ۚ وَمَنْ يَفْعَلْ ذَلِكَ فَقَدْ ظَلَمَ نَفْسَهُ وَلَا تَتَّخِذُوا آيَاتِ اللَّهِ
هُزُؤًا ۚ وَادْكُرُوا نِعْمَتَ اللَّهِ عَلَيْكُمْ وَمَا أَنْزَلَ عَلَيْكُمْ مِنَ الْكِتَابِ وَالْحِكْمَةِ يَعِظُكُمْ
بِهِ ۚ وَاتَّقُوا اللَّهَ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ بِكُلِّ شَيْءٍ عَلِيمٌ

Maksudnya:

*“Dan apabila kamu menceraikan isteri-isteri (kamu) kemudian mereka (hampir) habis tempoh ‘iddahnya maka bolehlah kamu pegang mereka (rujuk) dengan cara yang baik atau lepaskan mereka dengan cara yang baik. Dan janganlah kamu pegang mereka (rujuk semula dengan maksud memberi mudarat, kerana kamu hendak **melakukan** kezaliman (terhadap mereka); dan sesiapa yang melakukan demikian maka sesungguhnya dia menganiaya dirinya sendiri. dan janganlah kamu menjadikan ayat-ayat hukum Allah itu sebagai ejek-ejekan (dan permainan). Dan kenanglah nikmat Allah yang diberikan kepada kamu, (dan kenanglah) apa yang diturunkan kepada kamu iaitu Kitab (Al-Quran) dan ilmu hikmat, untuk memberi pengajaran kepada kamu dengannya. Dan bertaqwalah kepada Allah serta ketahuilah: sesungguhnya Allah Maha Mengetahui akan tiap-tiap sesuatu.*

Ayat ini berkaitan hukum-hukum penceraian, menjelaskan tata cara, syarat dan adabnya serta menjauhkan diri dari perkara-perkara yang menyakitkan. Dalam kitab Safwatul Tafsir, ayat ini menerangkan berkaitan jika kamu ingin merujuk para isteri dengan tujuan memberi kemudahan padanya, atau untuk membencinya dengan meminta tebusan maka perbuatannya

itu merupakan suatu tindakan yang zalim kepada dirinya sendiri. Hal ini demikian kerana dia telah menjerumuskan dirinya ke dalam seksaan Allah SWT. Oleh itu, janganlah kamu mempermainkan hukum-hukum Allah SWT perintah-perintah-Nya serta larangan-Nya. (Al-Sabuni:2001)

Firman Allah: Surah al-Baqarah (1) ayat 282

يا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِذَا تَدَايْتُمْ بِدَيْنٍ إِلَىٰ أَجَلٍ مُّسَمًّى فَاكْتُبُوهُ ۚ وَلْيَكْتُب بَيْنَكُمْ
كَاتِبٌ بِالْعَدْلِ ۚ وَلَا يَأْب كَاتِبٌ أَنْ يَكْتُبَ كَمَا عَلَّمَهُ اللَّهُ ۚ فَلْيَكْتُبْ وَلْيَمْلِكِ
الَّذِي عَلَيْهِ الْحَقُّ وَلْيَتَّقِ اللَّهَ رَبَّهُ وَلَا بِيخْسٍ مِنْهُ شَيْئًا ۚ فَإِنْ كَانَ الَّذِي عَلَيْهِ الْحَقُّ
سَفِيهًا أَوْ ضَعِيفًا أَوْ لَا يَسْتَطِيعُ أَنْ يُمِلَّ هُوَ فَلْيَمْلِكْ وَلِيُّهُ بِالْعَدْلِ ۚ وَاسْتَشْهِدُوا
شَهِيدَيْنِ مِنْ رِجَالِكُمْ ۚ فَإِنْ لَمْ يَكُونَا رَجُلَيْنِ فَرَجُلٌ وَامْرَأَتَانِ مِمَّنْ تَرْضَوْنَ مِنَ الشُّهَدَاءِ
أَنْ تَضِلَّ إِحْدَاهُمَا فَتُذَكَّرَ إِحْدَاهُمَا الْأُخْرَىٰ ۚ وَلَا يَأْب الشُّهَدَاءُ إِذَا مَا دُعُوا ۚ وَلَا
تَسْأَمُوا أَنْ تَكْتُبُوهُ صَغِيرًا أَوْ كَبِيرًا إِلَىٰ أَجَلِهِ ۚ ذَلِكُمْ أَقْسَطُ عِنْدَ اللَّهِ وَأَقْوَمُ لِلشَّهَادَةِ
وَأَدْنَىٰ أَلَّا تَرْتَابُوا ۚ إِلَّا أَنْ تَكُونَ تِجَارَةً حَاضِرَةً تُدِيرُونَهَا بَيْنَكُمْ فَلَيْسَ عَلَيْكُمْ جُنَاحٌ
أَلَّا تَكْتُبُوهَا ۚ وَأَشْهِدُوا إِذَا تَبَايَعْتُمْ ۚ وَلَا يُضَارَّ كَاتِبٌ وَلَا شَهِيدٌ ۚ وَإِنْ تَفَعَّلُوا
فَإِنَّهُ فُسُوقٌ بِكُمْ ۚ وَاتَّقُوا اللَّهَ ۚ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ بِكُلِّ شَيْءٍ عَلِيمٌ

Maksudnya:

“Wahai orang-orang yang beriman! Apabila kamu menjalankan sesuatu urusan dengan hutang piutang yang diberi tempoh hingga ke suatu masa yang tertentu maka hendaklah kamu menulis (hutang dan masa bayarannya) itu dan hendaklah seorang penulis di antara kamu menulisnya dengan adil (benar) dan janganlah seseorang penulis enggan menulis sebagaimana Allah telah mengajarkannya. Oleh itu, hendaklah ia menulis dan hendaklah orang yang berhutang itu merencanakan (isi surat hutang itu dengan jelas). Dan hendaklah ia bertaqwa kepada Allah Tuhannya, dan janganlah ia mengurangkan sesuatu pun dari hutang itu. Kemudian jika orang yang berhutang itu bodoh atau lemah atau ia sendiri tidak dapat hendak merencanakan (isi itu), maka hendaklah direncanakan oleh walinya dengan adil benar); dan hendaklah kamu mengadakan dua orang saksi lelaki dari kalangan kamu. Kemudian kalau tidak ada saksi dua orang lelaki, maka

*bolehlah, seorang lelaki dan dua orang perempuan dari orang-orang yang kamu setuju menjadi saksi, supaya jika yang seorang lupa dari saksi-saksi perempuan yang berdua itu maka dapat diingatkan oleh yang seorang lagi. Dan jangan saksi-saksi itu enggan apabila mereka dipanggil menjadi saksi. Dan janganlah kamu jemu menulis perkara hutang yang bertempoh masanya itu, sama ada kecil atau besar jumlahnya yang demikian itu, lebih adil di sisi Allah dan lebih membetulkan (menguatkan) keterangan saksi, dan juga lebih hampir kepada tidak menimbulkan keraguan kamu. Kecuali perkara itu mengenai perniagaan tunai yang kamu edarkan sesama sendiri, maka tiadalah salah jika kamu tidak menulisnya. Dan adakanlah saksi apabila kamu berjual-beli. Dan janganlah mana-mana jurutulis dan saksi itu disusahkan. Dan kalau kamu **melakukan** (apa yang dilarang itu), maka sesungguhnya yang demikian adalah perbuatan fasik (derhaka) yang ada pada kamu. Oleh itu hendaklah kamu bertaqwa kepada Allah; dan (ingatlah), Allah (dengan keterangan ini) mengajar kamu; dan Allah sentiasa Mengetahui akan tiap-tiap sesuatu”.*

Menurut tafsiran Ibnu Katsir, penulis dan saksi tidak diperbolehkan untuk memperumit permasalahan, iaitu melakukan sesuatu yang bertentangan dengan apa yang diberikan bahkan menyembunyikannya secara keseluruhan. Oleh itu, jika mereka menyalahi apa yang telah Allah SWT perintahkan atau mengerjakan apa yang telah dilarang-Nya, maka yang demikian itu merupakan sesuatu kefasikan pada diri sendiri dan mereka tidak dapat melepaskan diri dari kefasikan tersebut. (2004)

Menurut Syed Qutb, ayat ini memberi isyarat bahawa jangan berikan sebarang kesusahan kepada mana-mana penulis dan saksi. Sekiranya berlaku, maka perbuatan mereka tersebut merupakan penyelewengan dari syariat Allah SWT dan pelanggaran terhadapnya. (2003)

7.4 Kata *‘Amal* yang membawa makna melakukan perbuatan buruk.

Firman Allah: Surah Al-Baqarah (1): 74

ثُمَّ قَسَتْ قُلُوبُكُمْ مِنْ بَعْدِ ذَلِكَ فَهِيَ كَالْحِجَارَةِ أَوْ أَشَدُّ قَسْوَةً ۚ وَإِنَّ مِنَ الْحِجَارَةِ
لَمَا يَتَفَجَّرُ مِنْهُ الْأَنْهَارُ ۚ وَإِنَّ مِنْهَا لَمَاءٌ يَنْسَخُ بِمَا قَدْ خُلِيفَ مِنْهُ الْمَاءُ ۚ وَإِنَّ مِنْهَا لَمَاءٌ
يَهْبِطُ مِنْ خَشْيَةِ اللَّهِ ۚ وَمَا اللَّهُ بِغَافِلٍ عَمَّا تَعْمَلُونَ

Maksudnya:

*“Kemudian sesudah itu, hati kamu juga menjadi keras seperti batu, bahkan lebih keras lagi. Padahal di antara batu-batu itu ada yang terpancar dan mengalir air sungai daripadanya; dan ada pula di antaranya yang pecah-pecah terbelah lalu keluar mata air daripadanya; dan ada juga di antaranya yang jatuh ke bawah kerana takut kepada Allah; sedang Allah tidak sekali-kali lalai daripada apa yang kamu **kerjakan**”.*

Allah menutupkan ayat ini dengan ancumannya iaitu akibat kekerasan hati mereka, perbuatan buruk mereka yang bertentangan dengan Allah serta penentangan mereka kepada rasul-Nya, oleh sebab itu Allah memberi ancaman kepada mereka dengan sekeras-kerasnya kerana Allah SWT tidak pernah lalai terhadap apa yang telah mereka kerjakan. Walau apa sahaja yang mereka lakukan, Allah SWT tidak pernah lalai kerana lalai itu tidak harus dan bukan dari sifat Allah. (Abu Hayyan:1993)

Dr. Wahbah az-Zuhaili menafsirkan ayat ini bahawa walaupun kaum Yahudi telah menyaksikan banyak tanda-tanda kekuasaan Allah SWT Akan tetapi, hati mereka tetap keras membatu dan menolak kebenaran yang mereka lihat. Allah menunjukkan keadaan hati kaum Yahudi yang keras dan kasar lebih daripada kerasnya batu iaitu menggambarkan bahawa mereka sedikitpun tidak terkesan dengan ibrah dan pelajaran tersebut. Bahkan mereka melawan apa yang dilihat. Oleh itu, perkataan **عَمَّا تَعْمَلُونَ** ini mencakupi segala perbuatan yang mereka lakukan, tidak kira kecil mahupun besar. Allah mengancam mereka bahawa mereka akan mendapat balasan yang setimpal dengan perbuatan mereka tersebut. (2013)

Firman Allah: Surah Al-Baqarah (1): 140

أَمْ تَقُولُونَ إِنَّ إِبْرَاهِيمَ وَإِسْمَاعِيلَ وَإِسْحَاقَ وَيَعْقُوبَ وَالْأَسْبَاطَ كَانُوا هُودًا أَوْ
نَصَارَى ۗ قُلْ أَأَنْتُمْ أَعْلَمُ أَمْ اللَّهُ ۗ وَمَنْ أَظْلَمُ مِمَّنْ كَتَمَ شَهَادَةً عِنْدَهُ مِنَ اللَّهِ ۗ
وَمَا اللَّهُ بِغَافِلٍ عَمَّا تَعْمَلُونَ

Maksudnya:

“Atau patutkah kamu mengatakan, bahawa Nabi Ibrahim, dan Nabi Ismail, dan Nabi Ishak, dan Nabi Yaakub berserta anak-anaknya, mereka semua adalah orang-orang Yahudi atau Nasrani, (padahal ugama mereka telah pun ada sebelum adanya ugama Yahudi atau ugama Kristian itu)?” Katakanlah

(wahai Muhammad): “Adakah kamu yang lebih mengetahui atau Allah? Dan siapakah yang lebih zalim daripada orang yang menyembunyikan keterangan (saksi dan bukti) yang telah diberikan Allah kepadanya?” Dan (ingatlah), Allah tidak sekali-kali lalai akan apa yang telah kamu lakukan”.

Ibnu Katsir dalam tafsirnya kemudian menyatakan Allah mengingkari pengakuan mereka bahawa Nabi Ibrahim AS serta para nabi yang disebutkan selepasnya sebagai agama Yahudi atau Nasrani. Hal ini kerana, Allah yang lebih mengetahui semuanya dan Dia memberitakannya bahawa mereka bukan penganut agama Yahudi atau Nasrani tersebut. Oleh yang demikian, Allah memberikan ancaman yang keras kepada mereka, iaitu segala amal perbuatan mereka semuanya di dalam pengetahuan ilmu Allah dan Dia akan memberikan balasan terhadap segala amalan mereka. (2004)

Imam As-Sabuni dalam tafsirnya Safwatul Tafsir memberikan penafsiran terhadap ayat وَمَا اللَّهُ بِغَافِلٍ عَمَّا تَعْمَلُونَ yang memberikan makna bahawa terdapat pengulangan ayat al-Quran disini. Abu Hayyan berkata, perkataan ini muncul kerana setelahnya mempunyai perbuatan maksiat, oleh yang demikian kalimat ini mengandungi ancaman dan pernyataan bahawa Allah SWT tidak akan membiarkan perkara mereka berlalu begitu sahaja tanpa balasan. (2011)

M. Quraish Shihab menukilkan bahawa ayat ini merupakan kecaman terhadap para pemuka agama mereka. Hal ini kerana, sebenarnya mereka mengetahui bahawa Nabi Ibrahim AS tidak mungkin menganut agama Yahudi yang telah dibawa oleh Nabi Musa AS atau agama Nasrani yang dibawa oleh Nabi Isa AS. Hal yang demikian kerana, Nabi Ibrahim AS lahir jauh sebelum kedua nabi tersebut. Oleh sebab itu ayat ini mengecam tindakan mereka yang menyembunyikan kebenaran dengan Allah menutup ayat ini dengan pernyataan-Nya yang Allah tidak akan membiarkan mereka begitu sahaja. (2002)

Firman Allah: Surah Al-Baqarah (1): 167

وَقَالَ الَّذِينَ اتَّبَعُوا لَوْ أَنَّ لَنَا كَرَّةً فَنَتَبَرَّأَ مِنْهُمْ كَمَا تَبَرَّءُوا مِنَّا ۗ كَذَلِكَ يُرِيهِمُ اللَّهُ أَعْمَالَهُمْ حَسَرَاتٍ عَلَيْهِمْ ۗ وَمَا هُمْ بِخَارِجِينَ مِنَ النَّارِ

Maksudnya:

*“Dan (pada masa yang mengecewakan itu) berkatalah orang-orang yang menjadi pengikut: Alangkah eloknya kalau kami (dengan itu dapat kami berlepas diri daripada mereka sebagaimana mereka berlepas diri daripada kami (pada saat ini)!” Demikianlah Allah perlihatkan kepada mereka **amal-amal** mereka (dengan rupa yang mendatangkan) penyesalan yang amat sangat kepada mereka, dan mereka pula tidak akan dapat keluar dari neraka”.*

Dr. Wahbah az-zuhaili menafsirkan ayat **أَعْمَالُهُمْ** sebagai amal-amal sesat. Dalam ayat ini Allah SWT memperlihatkan kepada mereka segala perbuatan yang mereka lakukan sehingga menyebabkan mereka terus dimasukkan ke dalam neraka. Ibnu Mas’ud dan As-Suddi mengatakan Allah SWT memperlihatkan kepada mereka amal-amal soleh yang mereka tinggalkan sehingga menyebabkan mereka tidak dimasukkan ke dalam syurga. Amal-amal soleh tersebut disandarkan kepada mereka kerana sepatutnya mereka diperintahkan untuk melakukan perbuatan yang baik, akan tetapi mereka meninggalkannya. Adapun penyandaran amal-amal sesat kepada mereka pula adalah kerana mereka melakukan perbuatan mungkar. Oleh sebab itu, ini menjadi dalil kekalnya orang kafir di dalam neraka dan mereka tidak dapat keluar darinya. (2013)

Menurut M. Quraish Shihab dalam tafsirnya, kata (يرء) terambil dari kata (رأى) yang pada mulanya bermakna melihat dengan mata kepala. Akan tetapi ia juga digunakan dengan makna mengetahui. Para ulama menjelaskan bahawa melihat dengan mata kepala itu membawa maksud tingkat-tingkat dan tempat-tempat pembalasan serta ganjarannya, dan bila memahaminya dalam erti mengetahui maka objeknya adalah balasan dan ganjaran amal itu. (2002)

Imam As-Sabuni menafsirkan ayat ini dalam tafsirnya Safwatul Tafsir iaitu orang-orang kafir diperlihatkan kepedihan azab yang akan mereka terima. selain itu, Allah SWT juga menampakkan kepada mereka segala perbuatan-perbuatan keji dan sesat yang telah mereka lakukan sehingga timbul rasa penyesalan yang sangat mendalam dalam hati mereka. Dan yang terakhir, tiada jalan bagi mereka untuk keluar dari neraka kerana mereka akan terus dalam seksaan serta kesengsaraan yang tiada penghujungnya. (2011)

8.0 PENUTUP

Berdasarkan pandangan-pandangan yang dikemukakan oleh ahli-ahli tafsir, ditemukan beberapa persamaan antara *fi’il* dan *amal*. Kedua-duanya menunjukkan perbuatan baik dan buruk serta menunjukkan kekuasaan Allah SWT terhadap kesemua hamba-Nya. Selain itu, kedua-dua kata ini membawa makna ancaman Allah SWT serta gertakan terhadap apa yang

mereka lakukan. Juga memberi balasan dan ganjaran sesuai dengan amal perbuatan hamba-Nya.

Kalimah *fi'il* lebih bersifat umum kerana Allah SWT tujuan kepada semua umat manusia tanpa dikhususkan kepada mana-mana generasi atau zaman. Ia juga berbentuk cabaran dan menunjukkan ketidakmampuan manusia menandingi Allah SWT. Walaupun telah melalui jangka masa yang lama dan generasi yang berbeza, manusia tetap tidak mampu membuat sesuatu yang lebih dari kemampuan mereka walaupun sebanyak mana usaha yang dilakukan. Kalimah *'amal* pula Allah khususkan kepada orang yang tertentu, misalnya orang beriman, kufur, Yahudi dan lain-lain.

Seterusnya, kata *fi'il* membawa makna perbuatan baik dan buruk manusia. Justeru itu, segala perbuatan yang mereka lakukan akan mendapat kesannya, sama ada mendapat pengakhiran yang baik atau sebaliknya. Di samping itu, kata *fi'il* juga membawa makna kekuasaan Allah SWT dan perintahnya terhadap manusia. Dia mampu serta berkuasa untuk melakukan apa sahaja yang Dia kehendaki. Ini juga menunjukkan ancaman Allah SWT kepada manusia yang melampaui batas dan balasan terhadap perbuatan manusia yang ingkar. Kata *'amal* pula sering digandingkan dengan kalimah "soleh" untuk menunjukkan perbuatan atau amalan soleh, serta digandingkan dengan kalimah "*hasarat*" (حسرات) untuk menunjukkan perbuatan atau amalan yang buruk dan sesat.

Perbezaan yang penulis temukan di dalam kajian ini ialah kata *fi'il* sering memberi makna ancaman Allah SWT terhadap pilihan yang dilakukan oleh manusia. Bagi kata *'amal* sering membawa makna bahawa manusia itu apabila melakukan sesuatu ia atas pilihannya serta kehendaknya, bukannya secara paksaan.

RUJUKAN

- °Abd al-Tawwab. 1999. *Fusul fi Fiqh al-Lughah*. Kairo: Khanji.
- Abi Al-Qasim Al-Husin bin Muhammad. 2009. *Al-Mufradat Fi Gharibul Quran*. Maktabah Nazar Mustafa Al-Baz
- Abu Bakr b. °Abd al-Qahir b. °Abd al-Rahman b. Muhammad al-Jurjani. 2009. *Kitab al-Ta'rifat*. Beirut: Dar al-Kutub al-°Ilmiyyah.
- Abu Hayyan. 1993. *Tafsir Bahrul Muhit*. Beirut: Darul Kitab Al-Ilmiah.
- Al-Quran Mushaf Malaysia dan Terjemahan. 2006. Selangor: Yayasan Restu.
- Ahmad Fawaid. 2015. Kaidah Mutaradif Al-Alfaz dalam al-Quran. *Jurnal Keilmuan Tafsir Hadis*.
- Ahmad Fawaid. 2011. *Qadiyat al-Taraduf °Inda Bint al-Shati° fi Tafsiriha: al-Tafsir al-Bayani li al-Quran*. Surabaya.
- Ahmad Mukhtar °Umar. 2006. *°Ilmu al-Dilalah*. Qaherah.
- °Aisyah Abdurrahman. 2004. *Al-°Ijaz al-Bayani fi al-Quran Wa Mana°il Nafi° bin al-Azraq*. Al-Maghribi: Maktabah al-Dirasat al-Quraniyah.
- Ariefta Hudi Fahmi. 2015. *Sinonimitas Dalam al-Quran: Studi atas Lafaz al-Syakk dan al-Raib*.
- Amil Badi° Ya°qub. 2006. *Mausu°ah °Ulum al-Lughah*. Beirut: Dar al-Kutub al-°Ilmiyyah

- Al-Raghib Al-Asfahani. 2008. *Mu'jam Mufradat li AlFaz al-Quran*. Beirut: Darul Fikr.
- Al-Raghib Al-Asfahani. 2004. *Al-Mufradat fi Gharib al-Quran*. Maktabah Nazar Mustafa Al-Baz.
- Al-Tahir Ahmad al-Zawi. 1996. *Tartib al-Qamus al-Muhit*. Darul Alim al-Kutub.
- Badr al-Din Muhammad Ibn cAbdullah al-Zarkasyi. 1972. *Al-Burhan fi Ulum al- Quran*. Beirut: Darul Fikr.
- Dr. Osman Mohamed Gharib. 2015. *At-Taraduf fil Quranul Karim*.
- Ghoffar M. 2004. *Tafsir Ibnu Katsir*. Bogor: Pustaka Imam As-Syafi'i.
- Hamka. 1990. *Tafsir Al-Azhar*. Juz 1. Singapura: Kerjaya Printing Industries Pte Ltd.
- Ibrahim Anis. 2003. *Fi al-Lahajat al-^cArabiyah*. Kairo: Maktabah Al-Anjalu Al- Misriyah.
- Ilham Tahir. 2010. *Penafsiran Ayat-Ayat Perumpamaan Menurut M. Quraish Shihab dalam Tafsir Al-Misbah*. Usuluddin UIN Sunan Kalijaga Yogyakarta.
- Jalal al-Din al-Suyuti. t.th. *al-Muzhir fi ^cIlm al-Lughah*. Kairo: Maktabah Dar al-Turath.
- Kamarul Azmi Jasmi. 2012. *Penyelidikan Kualitatif Dalam Sains Sosial*. Johor: UTM.
- Khalid ^cAbd al-Rahman al-^cAkk. 1986. *Usul al-Tafsir wa Qawa^ciduh*. Beirut: Dar al-Nafa^cis
- K.H Yasin. 2011. *Safwatul Tafsir*. Jakarta: Pustaka Al-Kautsar.
- Manna Khalil al-Qattan. 2000. *Mabahits fi Ulum al-quran*. Cairo: Maktabah Wahdah.
- Muhammad Fuad Abdul Baqi. 1364. *Al-Mukjam Mufahras Li AlFazul Quran*. Qaherah: Darul Kutub Al-Misriyah.
- M. Hafazah. 2017. *Al-Taraduf fi al-^cArabiyah wa Ta^climuhu li Istikhraj al-Ahkam al Syar^ciiyyah: Dirasah Tahliliyah li al-Taraduf fi Kitab "Nahwa Usul Jadidah li al-Fiqh al-Islami; Fiqh al-Mar^cah" li Muhammad Syahrur*.
- Muhammad Idris Abdul Rauf Al-Marbawi. 1998. *Kamus Idris Al-Marbawi*. Nilai: Percetakan Putrajaya Sdn Bhd.
- M. Quraish Shihab. 1997. *Mukjizat al-Quran: ditinjau dari aspek kebahasaan, isyarat, ilmiah dan pemberitaan ghaib*. Bandung: Mizan
- M. Quraish Shihab. 2002. *Tafsir Al-Misbah: Pesan, kesan dan keserasian Al-Quran*. Jakarta: Lentera Hati.
- M. Quraish Shihab. 2007. *Ensiklopedia Al-Quran: Kajian Kosakata*. Jakarta: Lentera Hati.
- Muhammad Syarif Hasyim. 2012. *Al-^cAlam dalam al-Quran: Analisis tentang ayat ayat penciptaan*.
- Muhammad Ibn Makram Ibn ^cAli Ibn Manzur. t.th. *Lisan al-^cArab*. Kairo: Dar al- Ma^carif.
- Muhammad Nur al-Din al-Munjid. 1997. *al-Taraduf fi al-Quran*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Muhammad Nabihul Janan. 2017. *Sinonimitas Dalam al-Quran: Analisis Semantik Lafaz Khauf dan Khasyyah*.

- Mukhlisin. 2015. Analisis Makna Sirat dan Sabil dalam al-Quran. *Jurnal Usuluddin*.
- Nailur Rahman. 2014. *Konsep Salam dalam al-Quran*. Jurusan Ilmu al-Quran dan Tafsir.
- Natalina Nilamsari. 2014. *Memahami Studi Dokumen Dalam Penelitian Kualitatif*.
- Nurzatil Ismah Azizan. 2015. *Metodologi Penyelidikan*. Bangi: Minda Intelek Agency.
- Retno Dumilah. 2018. *Ungkapan Lafaz Al-Raja' dan Al-Tamanni dalam al-Quran*.
- Rusinah binti Joned. 2010. *Metodologi Penyelidikan*. Serdang: UPM Holdings SDN. BHD.
- Saifulah bin Samsudin. 2018. *Teori Semantik Komunikatif: Kajian Sorotan Literatur*. Kertas kerja dibentangkan di Universiti Islam Antarabangsa Selangor, anjuran Jabatan Pengajian Peradaban Islam, 19 September, Bangi.
- Sheikh Abdullah Basmeih. 2002. *Tafsir Pimpinan ar-Rahman kepada Pengertian al-Quran (30) Juz*. Kuala Lumpur: Darul Fikir.
- Sheikh Abu Bakar Jabir Al-Jazairi. 2006. *Tafsir Al-Aisar*. Jakarta: Darus Sunnah.
- Syed Qutb. 2003. *Tafsir Fi Zhilalil Quran*. Darul Syuruk.
- Wahbah az-Zuhaili. 2013. *Tafsir Al-Munir*. Jakarta: Gema Insani.
- Yudiansyah. 2010. *Sinonim Kata Berfikir dalam Kajian al-Quran*.